

### TANDA KERACUNAN :

Gatal-gatal pada mata, hidung, kerongkong dan kulit. Pendedahan yang berlebihan boleh menyebabkan mual, muntah, sakit kepala, pening dan sawan.

### RAWATAN KECEMASAN :

Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarakan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

### RAWATAN PERUBATAN :

Rawatan hendaklah mengikut tanda sakit.

### MEDICAL TREATMENT :

Treatment is symptomatic.

Tarikh Mengilang :

# EVENTUS

PEKATAN AMPAIAI (SC)

RACUN SERANGGA / INSECTICIDE / 殺蟲劑



UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA

No. Pendaftaran : LRMP. R1/7897

Kandungan Bersih : 1 liter

Perawis Aktif : alpha-cypermethrin ..... 1.47% w/w  
Perawis Lengai : ..... 98.53% w/w

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA.  
JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**

Jika berlaku KERACUNAN, sila hubungi :

**PUSAT RACUN NEGARA - 1 - 800 - 88 - 8099 (waktu pejabat)**

**- 012 - 430 9499 (lepas waktu pejabat)**

**BACA LABEL SEBELUM GUNA**

Didaftarkan oleh :



**IMP BIOTECH SDN. BHD.** (Co. No. 462270-H)

33A, Jalan 5, Kawasan 16, Taman Intan,

41300 Klang, Selangor, Malaysia.

Tel. : 603 3345 3769 Faks : 603 3341 7089

**EVENTUS** ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'pyrethroid' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

**EVENTUS** 是來自 "pyrethroid" 接觸性殺蟲劑。

**ATURAN PENGGUNAAN :** Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

TEMPAT / KAWASAN	SERANGGA	KADAR RACUN / 10 LITER AIR	CATATAN
Hotel 酒店, Pejabat 辦公室, Kilang 工廠, Restoran 餐館.	Lipas 蟻螂 ( <i>Blattella germanica</i> ) Lalat 蒼蠅 ( <i>Musca domestica</i> )	266 ml 毫升	Sembur pada kadar 1 liter campuran bagi setiap 20 meter persegi permukaan yang hendak dirawat. Sembur pada permukaan lantai dan dinding di mana serangga sering hinggap atau tempat persembunyian serangga.
	Nyamuk 蚊子 ( <i>Aedes aegypti</i> , <i>Aedes albopictus</i> , <i>Anopheles maculatus</i> , <i>Culex quinquefasciatus</i> )	350 ml 毫升	
	Jentik-jentik 孑孓 ( <i>Aedes aegypti</i> , <i>Aedes albopictus</i> , <i>Anopheles maculatus</i> , <i>Culex quinquefasciatus</i> )	350 ml 毫升	Sembur pada kadar 1 liter campuran bagi setiap 20 meter persegi kawasan yang hendak dirawat. Sembur pada tempat pembiakan nyamuk seperti pasu bunga dan tayar.

**Panduan Membancuh :** Disyor menggunakan alat penyembur galas bernozel jenis 'Fan Nozel'. Isikan tangki setengah penuh dengan air bersih. Campurkan **EVENTUS** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **EVENTUS** di dalam tangki alat penyembur.

**Panduan Menyembur :** Lakukan semburan apabila serangan mencapai tahap ambang tindakan (ATL). Semburan hendaklah dibuat 5-10 hari sekali pada peringkat permulaan. Selepas itu, kekerapan semburan boleh dikurangkan untuk menjaga populasi serangga pada tahap yang boleh diterima. Untuk kawalan yang baik, rawatan hendaklah dibuat pada waktu terbit fajar atau senja di mana suhu di sekeliling tidak melebihi 30°C dan angin tidak bertiup kencang. Untuk kawalan jangka masa panjang, semburan racun serangga hendaklah dijalankan bersama dengan kebersihan kawasan pembiakan melalui pemungutan sampah dan mengurangkan tempat pembiakan serangga. Jangan sembur pada/berhampiran dengan makanan/tempat penyediaan makanan. Jika rawatan perlu diulangi, gunakan **EVENTUS** berselang-seli dengan racun serangga daripada kumpulan berlainan yang mempunyai cara tindakan yang berbeza.

**AWAS :** a) Bahaya Kepada Manusia : Berbahaya jika terminum. Elakkan daripada terhidu wasap dan kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan : Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpakaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan.

b) Bahaya Pada Alam Sekitar : Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

勿貯藏在靠近  
食品或兒童  
所接觸的地方

**JAUHKAN DARIPADA  
MAKANAN  
DAN KANAK-KANAK**

**KELAS IV**

**KEEP AWAY FROM  
FOODSTUFF  
AND CHILDREN**

உணவுகள் மற்றும்  
குழந்தைகளுக்கு  
அருகில் வைக்காதிர்